MOSTI

KOD ETIKA

KEMENTERIAN SAINS,TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

Mukasurat

Perutusan Ketua Setiausaha	**1**
BAB 1 Kod Etika MOSTI	**3**
BAB 2 Nilai-Nilai Teras Nilai-Nilai Kembangan	**4-8**

Mukasurat

BAB 3 — 9-13
Kesan nilai-nilai kembangan kepada organisasi

BAB 4 — 14
Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam

BAB 5 — 15
Penutup

PERUTUSAN

Ketua Setiausaha

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, MOSTI dapat menerbitkan Buku Kod Etika MOSTI yang menggariskan Nilai Teras dan Nilai Kembangan yang perlu dihayati dan diamalkan oleh semua warga MOSTI.

Saya percaya semua warga MOSTI boleh menghayati dan mengamalkan Kod Etika, Nilai Teras serta Nilai Kembangan ini dalam menjalankan tugas yang diamanahkan. Semua nilai yang digariskan ini mempunyai tujuan yang murni ke arah mewujudkan perkhidmatan awam yang berkualiti, berprestasi tinggi, berintegriti dan dihormati.



Mudah-mudahan dengan kerjasama dan sokongan yang diberikan, MOSTI akan berjaya dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan dan seterusnya meningkatkan kecemerlangan MOSTI dan perkhidmatan awam.

DATO' MADINAH BINTI MOHAMAD

BAB 1

KOD ETIKA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Kod Etika ini menggariskan nilai murni, kualiti peribadi, etika kerja dan tatakelakuan yang perlu dihayati dan diamalkan bagi mencapai kecemerlangan organisasi.

- Ikhlas dan jujur dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab.
- Sentiasa bersopan santun dalam berbicara dan tingkah laku serta keterampilan.
- Bijaksana dalam pemikiran dan tindakan serta cergas dan cekap dalam pelaksanaan tugas serta tidak menyalahgunakan kedudukan demi kepentingan peribadi.
- Tidak boleh menerima apa-apa keraian dan mengelakkan situasi yang boleh menimbulkan syak wasangka.
- Mengelakkan diri dalam keadaan yang boleh menimbulkan percanggahan kepentingan atau *conflict of interest*.
- Sentiasa menghargai dan mengutamakan pelanggan.
- Komitmen dan berinisiatif tinggi dalam memberikan perkhidmatan yang adil dan berkualiti.
- Bijak dalam berkomunikasi berprinsipkan kejujuran dan saling hormat menghormati antara pekerja dan jabatan serta pelanggan.
- Sentiasa proaktif untuk mempertingkatkan kualiti kerja.

BAB 2

NILAI-NILAI TERAS DAN NILAI-NILAI KEMBANGAN

1. PENDAHULUAN

Penghayatan nilai-nilai teras dan nilai-nilai kembangan adalah berkait rapat dengan peningkatan kualiti dan produktiviti setiap anggota kerja dalam sesebuah organisasi. Nilai-nilai teras dan nilai-nilai kembangan ini adalah seiring dengan hasrat untuk membentuk warga kerja yang cemerlang dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan.

2. NILAI-NILAI MURNI

Penerapan nilai-nilai murni di kalangan anggota perkhidmatan awam sangat dititikberatkan terutamanya dalam menjalankan tugas seharian. Pelbagai program telah dilaksanakan bagi meningkatkan penghayatan nilai-nilai murni termasuk memperkenalkan elemen nilai-nilai murni dalam setiap siri Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA). Nilai-nilai murni terdiri daripada dua (2) kategori iaitu nilai-nilai teras dan nilai-nilai kembangan.

2.1 NILAI-NILAI TERAS

Nilai-nilai teras merupakan nilai-nilai yang ditetapkan dan dijadikan sebagai nilai induk yang dipunyai bersama oleh seluruh anggota perkhidmatan awam. Nilai-nilai teras ialah:

2.1.1 Amanah

Setiap tugas hendaklah disempurnakan dengan penuh tanggungjawab dan ikhlas.

2.1.2 Benar

Setiap amalan, tindakan dan perilaku hendaklah berasaskan kebenaran berdasarkan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa

2.1.3 Bijaksana

Setiap tugas dan tanggungjawab dilaksanakan secara bijaksana berpandukan ilmu, kemahiran dan tahap profesionalisme yang tinggi.

2.1.4 Adil

Membuat pertimbangan yang saksama dan sama rata dalam setiap tindakan dan keputusan berasaskan undang-undang, peraturan, keutamaan dan fakta yang lengkap dan tepat.

2.1.5 Telus

Setiap tindakan dan keputusan hendaklah dibuat melalui proses yang telus dan maklumatnya perlu dihebahkan kepada pihak yang berhak selagi ia tidak bercanggah dengan undang-undang dan peraturan.

2.1.6 Bersyukur

Menunjukkan sikap berterima kasih dan menghargai kejayaan, pencapaian dan anugerah yang diperolehi serta menunjukkan kepuasan terhadap nikmat yang diterima.

2.1.7 Berintegriti

Sentiasa meletakkan kepentingan awam mengatasi kepentingan peribadi. Berintegriti bermaksud:-

Anda hendaklah:

- Melaksanakan tugas dan kewajipan dengan penuh tanggungjawab;

- Sentiasa bertindak secara professional agar sentiasa mendapat keyakinan yang kukuh dari pihak yang berurusan dengan anda;
- Menentukan dana awam dan sumber-sumber yang lain digunakan secara teratur dan berkesan;
- Mengendalikan maklumat seberapa yang boleh secara terbuka dan telus setakat yang dibenarkan oleh undang-undang; dan
- Sentiasa patuh kepada undang-undang dan memastikan keadilan diurus dan ditadbir dengan sebaik-baiknya.

2.2 NILAI-NILAI KEMBANGAN

Nilai-nilai kembangan ialah nilai yang dipilih dan ditetapkan oleh sesuatu Kementerian/ Jabatan/Agensi mengikut keutamaan dan fungsi masing-masing. Nilai-nilai teras dan nilai-nilai kembangan adalah saling melengkapi. Antara nilai-nilai kembangan yang diguna pakai adalah seperti berikut:

2.2.1 Berfikiran positif

Mempunyai akal yang pasti, tegas, tetap dan baik serta boleh mendatangkan manfaat.

2.2.2 Inovatif

Mampu memperkenalkan atau memulakan sesuatu yang baru.

2.2.3 Kreatif

Berkebolehan mencipta, menghasil dan mengembangkan sesuatu idea.

2.2.4 Profesionalisme

Dapat menyelesaikan masalah secara profesional untuk menghasilkan perkhidmatan yang lebih efisien dan efektif.

2.2.5 Bertanggungjawab

Melaksanakan sesuatu tugas yang diamanahkan dengan bersungguh-sungguh dan komited

2.2.6 Berbudi mulia

Mudah memberi kesenangan atau menolong orang lain tanpa disuruh.

2.2.7 Ikhlas

Hati yang bersih, jujur dan suci.

2.2.8 Tekun

Bersungguh-sungguh dan teliti dalam melaksanakan tugas.

2.2.9 Sederhana

Sifat yang menolak keterlaluan atau berlebihan.

2.2.10 Berdedikasi

Kesungguhan melaksanakan tugas dengan sempurna.

2.2.11 Berdisiplin

Tertib dalam kelakuan dan tindakan, patuh dan taat kepada arahan, peraturan dan undang-undang, berpegang teguh kepada ajaran agama.

2.2.12 Bekerjasama

Saling tolong menolong untuk kebaikan.

2.2.13 Bersih

Sifat suci daripada kekotoran rohani dan jasmani dalam menjalani kehidupan.

2.2.14 Sabar

Sifat kekuatan dan ketahanan diri dalam menerima kesusahan atau halangan.

2.2.15 Hormat- menghormati

Mempunyai pandangan yang tinggi terhadap seseorang dengan memberikan layanan yang penuh sopan.

2.2.16 Tidak mementingkan diri sendiri

Tidak mengutamakan atau memberatkan keperluan/keuntungan diri semata-mata.

2.2.17 Bermuafakat

Berunding untuk mencapai sesuatu persetujuan atau bermesyuarat.

2.2.18 Bertimbang rasa

Menunjukkan rasa belas kasihan, bersimpati dan berlaku adil.

2.2.19 Saling mempercayai

Mengakui atau yakin akan benarnya sesuatu perkara/ seseorang individu.

BAB 3

KESAN NILAI-NILAI KEMBANGAN KEPADA ORGANISASI.

1. Berfikiran positif

Anggota yang berfikiran positif sentiasa melihat ke hadapan dan menerima segala cabaran dengan fikiran terbuka. Anggota akan dapat menghasilkan kualiti dan kuantiti kerja yang lebih baik dengan pemikiran idea-idea baru.

2. Inovatif

Anggota yang mempunyai sifat inovatif mampu memperkenalkan atau memulakan sesuatu yang baru seperti kaedah proses atau sistem yang baru dan seterusnya menghasilkan *output* dan impak yang lebih baik.

3. Kreatif

Anggota yang kreatif boleh mencipta, menghasil dan mengembangkan sesuatu idea yang boleh menambah baik kaedah atau sistem kerja sedia ada.

4. Profesionalisme

Suatu nilai yang penting dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan supaya segala tugas yang diserahkan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Setiap anggota organisasi harus mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan kemahiran yang mencukupi bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Penyelesaian masalah secara profesional akan menghasilkan perkhidmatan yang lebih efisien dan efektif. Untuk itu, setiap anggota organisasi hendaklah sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemahiran yang sedia ada.

5. Bertanggungjawab

Tanggungjawab bermaksud sesuatu kerja, tugas atau janji yang mesti dilaksanakan. Seseorang yang diberi tanggungjawab untuk menjalankan sesuatu tugas bermakna beliau telah diamanahkan untuk menyempurnakan tugas tersebut. Seseorang penjawat awam yang bertanggungjawab akan melaksanakan sesuatu tugas dengan bersungguh-sungguh dan merasa bersalah sekiranya gagal menyempurnakan ke tahap yang baik.

6. Berbudi Mulia

Berbudi mulia ialah satu nilai yang ada pada seseorang yang mudah memberi kesenangan atau menolong orang lain tanpa disuruh dan tanpa mengharap apa-apa balasan. Gerak-geri dan kelakuannya penuh adab sopan, tidak menyakitkan hati atau menyinggung perasaan orang lain. Seseorang yang berbudi mulia akan merasa senang apabila melihat orang lain senang. Teladan baik yang ditunjukkannya boleh mendorong kepada kebaikan dan kemesraan yang kemudiannya akan mewujudkan hubungan harmonis dalam kumpulan dan organisasi yang dianggotainya.

7. Ikhlas

Ikhlas bermaksud hati yang bersih, jujur dan suci. Seseorang pekerja yang ikhlas dalam melaksanakan tugasnya sentiasa menerima tanggungjawab dengan penuh keredaan dan berusaha menghasilkan prestasi kerja yang terbaik secara berterusan. Kesungguhannya didorong oleh kejujuran dan rasa tanggungjawab serta bukan kerana puji-pujian atau ganjaran. Antara sifat terpuji lain yang dimiliki oleh pekerja yang ikhlas ialah tidak menunjuk-nunjuk dan sentiasa bersedia melaksanakan apa sahaja tugas yang diberi serta menyempurnakannya tanpa mengira masa.

8. Tekun

Tekun bermaksud bersungguh-sungguh dan teliti dalam melaksanakan sesuatu tugas. Pekerja yang tekun adalah komited pada tugasnya dan berupaya memberikan sepenuh penumpuan dalam menyempurnakan tugasan tersebut. Mereka sabar dalam menghadapi segala kesulitan dan sentiasa tabah menyelesaikan sesuatu masalah. Dengan itu mereka bukan sahaja produktif tetapi dapat menghasilkan hasil kerja yang berkualiti dan mencapai sasaran yang ditetapkan.

Pekerja seperti ini akan mengutamakan tugasnya daripada kepentingan diri serta sanggup berkorban masa dan tenaga untuk kepentingan organisasi, perkhidmatan dan negara.

9. Sederhana

Kesederhanaan adalah sifat yang menolak keterlaluan atau berlebihan. Kesederhanaan pada seorang pekerja dapat dilihat dari kebijaksanaannya dalam membuat pertimbangan dan keputusan. Sesuatu yang dilakukan tidak keterlaluan, sama ada dari segi kelakuan, percakapan atau tindakannya. Dalam konteks sesebuah organisasi awam, sikap sederhana boleh dikaitkan dengan beberapa urusan pentadbiran seperti tidak boros dalam perbelanjaan atau tidak membazir di dalam menggunakan peralatan dan kemudahan pejabat.

10. Berdedikasi

Anggota yang berdedikasi sanggup melaksanakan kerja lebih daripada yang diharapkan serta tekun menyempurnakannya ke tahap yang terbaik. Mempunyai dorongan yang tinggi untuk sentiasa meningkatkan prestasi dan bersedia menerima nasihat atau teguran serta berusaha untuk mempelajari dan menambah pengetahuan dalam bidang-bidang yang belum dikuasai.

11. Berdisiplin

Disiplin adalah satu sifat yang mengawal diri seseorang untuk sentiasa berperilaku berlandaskan undang-undang, peraturan, prinsip dan nilai mulia. Penjawat awam yang berdisiplin adalah mereka yang tertib dalam kelakuan dan tindakan, patuh dan taat kepada arahan, peraturan dan undan-undang, berpegang teguh kepada ajaran agama dan sentiasa menjaga maruah diri, organisasi, perkhidmatan dan negara serta melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan tekun tanpa perlu penyeliaan yang rapi.

12. Bekerjasama

Semangat bekerjasama sangat diperlukan dalam sesebuah organisasi. Penggemblengan tenaga dan pemikiran ini dapat mewujudkan sinergi yang amat penting kepada peningkatan kualiti dan produktiviti. Anggota yang mempunyai sifat kerjasama senang melaksanakan sesuatu tugas secara berkumpulan. Mereka percaya idea yang lebih bernas dan jitu dapat dijana

dan lebih banyak masalah dapat diselesaikan. Anggota lazimnya suka mendapat pandangan, nasihat atau teguran atau merujuk sesuatu kepada rakan-rakan sekerja yang dianggap lebih arif daripadanya. Sifat kerjasama ini juga dapat mengeratkan hubungan di antara anggota organisasi.

13. Bersih

Dalam konteks perkhidmatan, seorang penjawat awam dikatakan bersih jika sikap dan perilakunya tidak menunjukkan sifat-sifat negatif seperti niat jahat, buruk sangka, iri hati, marah, cemburu, dendam dan seumpamanya. Dari aspek lain, pekerja yang dikatakan bersih sentiasa prihatin kepada kebersihan luaran atau persekitaran. Pakaiannya sentiasa bersih dan kemas, dan tempat kerjanya sentiasa tersusun. Hubungannya dengan rakan-rakan amat akrab dan bersopan. Pertuturannya tidak menyinggung perasaan. Nilai bersih juga boleh dilihat dari segi pemilikan harta atau kekayaan. Dalam hal ini, penjawat awam yang bersih sentiasa memastikan harta yang diperoleh adalah halal dan berpadanan dengan kedudukan dan kemampuan. Mereka tidak akan membiarkan diri terjerumus dalam keadaan hutang yang tidak terkawal sehingga boleh mendorong kepada perbuatan keji seperti penipuan, penyelewengan atau rasuah.

14. Sabar

Sabar ialah sifat kekuatan dan ketahanan diri dalam menerima kesusahan atau halangan. Seseorang yang sabar menganggap bahawa sesuatu tekanan kerja dan kesukaran yang dihadapi adalah merupakan cubaan dari Tuhan. Seorang pekerja yang memiliki sifat sabar akan sentiasa berhemah tinggi, bersopan santun dan tenang walaupun dalam keadaan yang cemas atau amat mencabar. Sifat ini boleh membawa kepada kesempurnaan dalam melaksanakan sesuatu tugas di samping membawa keharmonian di dalam sesebuah kumpulan atau organisasi.

15. Hormat Menghormati

Setiap individu harus saling mempunyai pandangan baik dan tinggi terhadap seseorang tanpa membezakan kedudukan dan latar belakang individu.

16. Tidak Mementingkan Diri Sendiri

Seseorang yang kaya dengan budi pekerti dan teguh dengan amalan nilai-nilai murninya tidak akan mementingkan diri sendiri. Anggota akan lebih mengutamakan kepentingan orang lain yang lebih berhak.

17. Bermuafakat

Amalan bermuafakat sangat penting ditekankan dalam melaksanakan tugas seharian. Rundingan bagi mencapai kata sepakat bukan sahaja dapat mempermudah atau mempercepatkan kerja, bahkan dapat mengeratkan lagi perpaduan antara anggota.

18. Bertimbang Rasa

Perasaan bertimbang rasa dan berlaku adil adalah sebahagian daripada sikap terpuji tanpa mengira perbezaan latar belakang sesuatu kaum.

19. Saling Mempercayai

Perasaan curiga atau syak wasangka tidak akan mudah wujud pada setiap individu yang mempunyai nilai-nilai murni.

BAB 4

IKRAR INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM

"Kami, Pegawai Awam Malaysia, dengan sepenuh dan rela hati berikrar mempertahan dan memperkukuhkan integriti perkhidmatan awam dengan mencegah dan membanteras segala bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan melalui tindakan-tindakan berikut:

- Berusaha memupuk dan mengamalkan nilai-nilai membenci rasuah;
- Menutup semua ruang dan peluang yang mendedahkan kepada amalan rasuah;
- Bertindak tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang, peraturan dan etika jabatan;
- Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk memerangi sebarang perlakuan jenayah rasuah;
- Bertindak tegas terhadap mereka yang cuba menggugat integriti dan imej pegawai awam; dan
- Mematuhi sepenuhnya kod etika jabatan dan mengamalkan nilai-nilai murni yang berteraskan ajaran agama dalam melaksanakan tugas."

BAB 5

PENUTUP

Adalah diharapkan Kod Etika MOSTI ini yang menggariskan Nilai Teras dan Nilai Kembangan dapat dihayati dan diamalkan oleh semua warga MOSTI bagi memastikan setiap prosedur kerja dapat dipertingkatkan dalam mancapai matlamat penyampaian perkhidmatan awam di samping bertujuan mewujudkan Anggota Perkhidmatan Awam yang berbudi bahasa, dinamik, bertatasusila dan utuh peribadinya sepanjang masa.

SW
E
SE
200
160
140
120
100
80

Oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI
ARAS 5, BLOK C4, KOMPLEKS C
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62662 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
MALAYSIA

www.mosti.gov.my
Tel.: (603) 8885 8000 | Faks: (603) 8888 9070 | Emel: info@mosti.gov.my